

19/04/1997

Diam diri jika yakin tidak bersalah: Dr M (HL)

Azman Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta sesiapa yang dikaitkan dengan siasatan akaun Pergerakan Wanita Umno, tidak membuat sebarang kenyataan jika yakin mereka di pihak yang benar.

Presiden Umno berkata, ini kerana mereka yang terus membuat kenyataan umum untuk mempertahankan diri akan menghadapi masalah jika keputusan siasatan tidak memihak kepada mereka.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu pihak berkenaan menghentikan perbalahan menerusi akhbar kerana mereka akan diberi peluang membuat penjelasan dan mempertahankan diri kepada jawatankuasa siasatan seperti diputuskan Majlis Tertinggi (MT) parti.

"Kalau kita tak buat salah, apa perlu buat kenyataan. Kalau nak buat (kenyataan), kita buat kepada badan siasatan.

"MT juga akan membuat keputusan yang adil kepada semua pihak. Bukan ada niat kita nak jatuhkan sesiapa, sebaliknya kita mahu supaya segala urusan dibuat secara baik.

"Tetapi kalau kita buat kenyataan umum dan keputusan nanti menunjukkan kita bersalah, kenyataan kita itu lagi teruk.

"Semua pihak perlu tunggu sehingga siasatan selesai. Jika kita tidak bersalah, siasatan akan menunjukkan kita tidak bersalah," katanya ketika ditemui di rumah terbuka sempena Aidiladha di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta menyatakan pandangannya mengenai perdebatan melalui akhbar oleh mereka yang terbabit dalam isu akaun Wanita Umno, walaupun MT sudah memutuskan supaya satu siasatan dilakukan dengan diketuai Bendahari parti, Tun Daim Zainuddin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pula berkata isu membabitkan akaun Wanita Umno adalah urusan parti dan terpulanglah kepada pucuk pimpinannya untuk membuat sebarang keputusan yang difikirkan perlu dan wajar.

Ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Seberang Jaya, Butterworth, hari ini, Anwar berkata Umno akan menggerakkan jenteranya di semua peringkat bagi menjamin perkara itu dapat diselesaikan sebaik mungkin.

Dr Mahathir juga menegaskan, semua pihak berpeluang mengemukakan bukti masing-masing kepada jawatankuasa siasatan itu dan jika tidak dipanggil mereka boleh meminta untuk berbuat demikian bagi memberi penjelasan dan mempertahankan diri.

Katanya, mereka tidak perlu membuat kenyataan kepada akhbar jika berpendapat bahawa mereka tidak bersalah, sebaliknya memadai membuat penjelasan kepada jawatankuasa siasatan.

"Mengapa perlu buat kenyataan lagi. Semua pihak akan diberi peluang pertahan diri dan bagi bukti kepada jawatankuasa penyiasat. Kalau kita tak dipanggil, kita boleh minta supaya kita boleh bagi penjelasan.

"Kalau orang buat tuduhan dan kita jawab, ia jadi satu perbalahan dalam akhbar dan masyarakat. Ini tidak sihat," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Anwar juga sebelum ini sudah mengarahkan supaya debat mengenai isu itu dihentikan dan sehubungan itu, pihak yang terbabit perlu mematuhinya.

Ditanya sama ada isu itu menunjukkan Wanita Umno menghadapi masalah dalaman, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada pergerakan itu menghadapi masalah atau sebaliknya, tetapi berpendapat tiada siapa yang

tidak menghadapi masalah.

Beliau juga menjelaskan bahawa tiada tempoh tertentu ditetapkan untuk siasatan itu, tetapi ia akan selesai tidak lama lagi.

(END)